

**MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL TIBI NEGERI
JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU
BIL.1/2011**

Tarikh: 2 Mac 2011(Rabu)
Masa: 9.00 pagi
Tempat: Bilik Mesyuarat Utama
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

MUKA SURAT	PARA	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
2	1.1	<p>Kadar Insiden Penyakit TB Tahun 2011</p> <p>Kadar insiden penyakit TB bagi tahun 2010 adalah menurun iaitu 67.98/100,000 penduduk pada tahun 2009 kepada 57.81/100,000 penduduk pada tahun 2010. Berdasarkan kajian yang dibuat didapati kadar pengesanan pesakit TB masih ditahap rendah.</p>	PK TB/Kusta	
2	1.2	<p>Penubuhan PR1 di Klinik Kesihatan</p> <p>Bermula pada tahun 2011, Pusat Rawatan 1 akan ditubuhkan di setiap klinik kesihatan yang mempunyai pakar perubatan Keluarga sebagaimana kehendak Program Kawalan TB Kebangsaan untuk mengintegrasikan Kawalan TB ke Kesihatan Primer.</p>	PKD/FMS	
2	1.3	<p>Sambutan Hari TB Sedunia</p> <p>24 Mac 2011 merupakan Sambutan Hari TB Sedunia. Tema pada tahun ini ialah <i>On The Move Against Tuberculosis: Transforming the Fight Towards Elimination</i>. Pengerusi menyarankan setiap PTJ mengadakan beberapa aktiviti pendidikan kesihatan untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat dan anggota kesihatan mengenai kepentingan mendapatkan pemeriksaan dan rawatan awal.</p>	PKD	

MUKA SURAT	PARA	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
3	3.3	<p>Para 1.6 Bil.1/2010 Peratus Pemeriksaan Kahak Kes Bersimptomatik di UPL Rendah</p> <p>Peratus pemeriksaan kahak di UPL masih rendah iaitu 1.1% berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 10%.</p> <p>Pengerusi mengarahkan setiap anggota di UPL perlu membuat dua pemeriksaan tahap setiap hari dan mencatatkan ke dalam buku rekod kedatangan pesakit. PKD disarankan membeli nebolizer bagi membantu 'induce' kahak pesakit TB.</p>	PKD	
3	4.1	<p>Penyeliaan DOTS Kepada Pesakit TB</p> <p>i. Jururawat Masyarakat di Klinik Desa dilantik sebagai penyelia DOTS kerana ahli keluarga tidak digalakkan untuk memberi ubat kepada pesakit ini.</p> <p>ii. Jururawat Masyarakat di Klinik Desa mesti bertanggungjawab dalam melaksanakan pemberian ubatan DOTS dengan betul agar rekod pesakit TB sama dengan stok ubatan yang ada.</p> <p>iii. Penyelia di Klinik Kesihatan berperanan untuk memantau Jururawat Masyarakat di kawasan masing-masing.</p>	<p>PKD</p> <p>PKD</p> <p>PKD</p>	
4	4.2	<p>Liputan BCG Tidak Mencapai Sasaran</p> <p>i. Pencapaian BCG secara keseluruhn adalah tinggi tetapi bagi daerah Marang dan Dungun</p>	<p>PKD Marang/ Dungun/ Penyelia Jururawat</p>	

MUKA SURAT	PARA	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
		<p>masih tidak mencapai 100%.</p> <p>ii. Siasatan terperinci akan dijalankan oleh daerah berkenaan untuk memastikan punca ketidakcapaian peratusan tersebut di antaranya pengesanan terhadap kes cicir mendapat suntikan BCG.</p>	KA	
4	5.1	<p>Audit Kematian TB</p> <p>PKD Kemaman memaklumkan terdapat lima kes kematian yang tidak dapat diaudit kerana pesakit meninggal di Kuantan dan Pegawai Perubatan tidak dapat hadir semasa audit dijalankan.</p> <p>Pengerusi mencadangkan PKD Kemaman berbincang dengan PKD Kuantan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.</p>	PKD Kemaman	
4	5.2	<p>Kes Berulang</p> <p>PK TB/Kusta memaklumkan sebanyak 33 kes berulang sepanjang tahun 2010. Pengerusi meminta perbincangan diadakan di antara pakar-pakar bagi menyediakan garis panduan untuk diguna pakai dalam kes-kes yang berulang.</p>	Pakar Respiratori	
4	5.3	<p>Aktiviti Pemeriksaan Slaid</p> <p>Pencapaian 'EQA Blinded Rechecking' yang dilakukan di makmal menunjukkan separuh sahaja slaid yang berkualiti.</p> <p>Pengerusi minta Pengelola TB Negeri membawa contoh-contoh slaid yang tidak berkualiti pada mesyuarat akan datang.</p>	Pengelola Makmal TB	